

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (SETEMPAT)

TARIKH: 12 OGOS 2019

MUKA SURAT: 5



KEBAKARAN tanah gambut yang berlaku di kawasan Kompleks Hamidah, Miri yang berlarutan.

Miri tahap bahaya

■ IPU catat bacaan 388 pada jam 12 tengah hari semalam

Mohd Roji Kawi
mroji@bh.com.my

Kuching

Kualiti udara di Miri terus berada di tahap berbahaya semalam dengan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di bandar raya utara Sarawak itu merekodkan bacaan 388 pada jam 12 tengah hari semalam. Berdasarkan data yang di-

keluarkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) peningkatan bacaan IPU direkodkan di ILP Miri sejak jam 6 pagi semalam iaitu IPU 320. Bacaan terus meningkat pada jam berikutnya iaitu 327 pada jam 7 pagi, 343 (7 pagi), 358 (8 pagi), 371 (9 pagi), 380 (10 pagi) hingga mencecah IPU tertinggi, 388 tengah hari semalam. Kualiti udara yang terjejas di Miri itu masuk hari kedua hari ini dan satu-satunya lo-

kasi di negara ini mencatat IPU pada tahap berbahaya ketika ini. Keadaan itu berlaku akibat kebakaran tanah gambut di kawasan berdekatan Kompleks Hamidah, Kuala Baram yang berlarutan sejak 1 Ogos lalu. Bacaan IPU di 12 lagi sresen iaitu Limbang, Samalau, Bintulu, Mukah, Kapit, Sibul, Sarikei, Sei Aman, Samarahan, Kuching, Petra Jaya dan SK Kuala Baram 2 pula men-

catat bacaan IPU pada tahap sederhana antara 57 hingga 98. Sementara itu, Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak, Tiong Ling Hui berkata, dalam tempoh 1 Ogos hingga semalam, 250 kes kebakaran hutan, belukar dan tanah gambut dilaporkan berlaku di negeri ini. "Setakat jam 11.30 pagi ini sahaja, sembilan laporan di-

terima dan semalam (10 Ogos) mencatat jumlah tertinggi dengan 58 kebakaran," katanya.

Beliau berkata, peningkatan jumlah kebakaran hutan dan belukar dikenal pasti berlaku akibat kurangnya kesedaran masyarakat terhadap bahaya aktiviti pembakaran terbuka ketika cuaca panas dan kering. "Bomba menasihatkan orang ramai supaya menghentikan aktiviti itu dalam keadaan cuaca sekarang namun ia tidak diendahkan."

"Kebanyakan kes kebakaran berlaku di kawasan kebun dan didapati berpunca daripada aktiviti pembakaran terbuka pekebun untuk tujuan pertanian mereka," katanya.

Menurutnya, pekebun mungkin memanfaatkan cuti hujung minggu ini bagi membakar rumput untuk membersihkan kebun namun cuaca panas dan bearing memudahkan api merebak hingga membakar kawasan yang luas.

12-08-2019

setempat

5

Kuala Lumpur

Filem tempatan masuk Netflix

Pengarah filem *Till Death: Azalea's Wrath* atau *Dendam Azalea*, Sein Qudsi bersyukur naskahnya itu menjadi filem pertama tempatan ditayangkan secara eksklusif di platform digital terkenal Netflix.

Sein, 36, berharap kerjasama terbabit membuka peluang untuk platform perkhidmatan strim itu menerbitkan kandungan asal tempatan pula selepas ini.

"Sewaktu hasilkan filem ini, saya tidak tetapkan naskah ini kena keluar wayang atau tayang di mana-mana. Apabila sudah tayang, saya mahu Netflix menjadi platform yang membolehkan filem ini ditonton di seluruh dunia dan meluas.

"Apabila masuk Netflix, semestinya impak berbeza. Filem ini kandungan pertama eksklusif yang diambil untuk masuk ke dalam platform itu," katanya.

FAKTA
Kualiti udara di Miri terjejas teruk untuk hari kedua